



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PERTANDINGAN *WORLDSKILLS MALAYSIA BELIA* (WSMB) PERINGKAT AKHIR TAHUN 2015 AKADEMI BINAAN MALAYSIA (ABM) WILAYAH SELATAN JOHOR BAHRU

Kementerian Kerja Raya (KKR) akan mengadakan Pertandingan Kemahiran Malaysia yang juga kini dikenali sebagai *Worldskills Malaysia Belia* (WSMB) ke-43 peringkat akhir dari 2 hingga 6 Oktober 2015 di Akademi Binaan Malaysia (ABM), Wilayah Selatan Johor. Majlis Penutup Perasmian akan disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof Menteri Kerja Raya pada 5 Oktober 2015.




WSMB merupakan pertandingan kemahiran yang dianjurkan bertujuan memilih dan mengiktiraf belia dan pekerja mahir yang mempunyai kemahiran unggul dan berpeluang untuk mewakili Malaysia ke ASEAN Skills Competition (ASC) dan World Skills Competition (WSC) selain bertindak sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat tentang pentingnya bidang kemahiran kepada pembangunan negara.

Pertandingan ini melibatkan 9 bidang kemahiran sedia ada iaitu bidang *welding, electrical installations, plumbing & heating, bricklaying, painting & decorating, joinery, wall & floor tiling, refrigeration & air conditioning* dan *mechanical engineering design*. Tiga bidang kemahiran tambahan turut dipertandingkan iaitu *scaffolding erection, mobile crane operation* dan *rooftruss installation* yang merupakan bidang yang amat berpotensi dalam industri pembinaan.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kkr.gov.my




Pertandingan ini yang dijangka menarik seramai 1000 orang menghimpunkan kesemua segmen penggiat industri pembinaan seperti pembekal bahan guna habis, peserta pertandingan, para jurulatih, pakar-pakar bidang dan institusi latihan kemahiran bertujuan untuk berkongsi idea dan memperkenalkan teknologi baru dalam pembinaan bagi peningkatan kecekapan produktiviti industri pembinaan melibatkan bidang yang dipertandingkan.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN KERJA RAYA
5 OKTOBER 2015**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  pro@kk.gov.my